

NO SOALAN :40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA
(TASEK GELUGOR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAJA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah persediaan untuk melaksanakan GST pada bulan April 2015. Apakah masalah yang dihadapi dan berapakah jumlah syarikat yang telah berdaftar.

JAWAPAN

Kerajaan melalui pelbagai agensi berkaitan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan tahap persediaan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015 berjalan lancar. Di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sistem pengkomputeran GST (MyGST) untuk melancarkan proses pelaksanaan GST telah diuji dan menjalani "trial run" dalam tempoh

setahun. Proses pendaftaran syarikat ke dalam sistem GST telah pun dilaksanakan mulai 1 Jun 2014. Sehingga 5 April 2015, sebanyak 368,133 perniagaan telah mendaftar bagi tujuan GST.

2. Jabatan Kastam juga telah melantik 113 vendor untuk membekalkan perisian perakaunan GST yang menepati piawaian yang telah ditetapkan. Pelantikan 113 vendor tersebut adalah bagi memudahkan perniagaan membeli perisian perakaunan GST yang menepati konsep perniagaan syarikat berkenaan dan memberikan latihan yang sewajarnya kepada perniagaan tentang cara penggunaan perisian perakaunan GST tersebut.

3. Selain itu, Pusat Panggilan Kastam (call centre) yang ditubuhkan oleh JKDM yang beroperasi di Kelana Jaya, Selangor juga memainkan peranan yang penting bagi memudahkan semua pihak mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan GST.

4. Kerajaan melalui pelbagai saluran perhubungan telah mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST secara berterusan

untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, penerimaan dan kesediaan masyarakat terhadap GST. Pelbagai aktiviti penjelasan dan kempen GST kepada rakyat telah, dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan kefahaman yang tepat mengenai GST kepada pelbagai kumpulan sasar melalui aktiviti-aktiviti komunikasi strategik iaitu melalui media massa, komunikasi secara bersemuka dan media digital/online/social.

5. Penjelasan dan kempen GST juga dilaksanakan melalui program wawancara, bual bicara, iklan, pengumuman, rerayap (crawler), kapsul dan sebagainya di pelbagai saluran stesen televisyen dan radio kerajaan dan swasta.Bahan-bahan sokongan seperti buku panduan GST (pengguna dan perniagaan), risalah dan roadshow pameran juga disediakan untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai GST.